

Headline	Saiful bimbang prestasi yo-yo TNB		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Sukan	Page No	46
ArticleSize	163 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,234		



## Saiful bimbang prestasi yo-yo TNB

**PETALING JAYA:** Pengendali Tenaga Nasional Berhad (TNB), Nor Saiful Zaini tidak berpuas hati dengan prestasi keseluruhan anak buahnya biarpun mereka berjaya menjulang Piala Sumbangsih Liga Hoki Malaysia (MHL) 2024 kelmarin.

TNB menewaskan penyandang juara, Terengganu Hockey Team menerusi penentuan penalti *shoot out* 3-1, selepas kedua-dua pasukan terikat 2-2 sepanjang 60 minit perlawanan.

Biarpun berjaya menjulang trofi pertama pada musim ini, Saiful tidak berselindung apabila kecewa dengan prestasi beberapa tonggak utama yang beraksi di bawah tahap sebenar.

Hakikatnya, biarpun Piala Sumbangsih menjadi milik mereka, TNB terpaksa berpuas hati meraih satu mata sahaja memandangkan keputusan perlawanan kelmarin tetap dikira untuk liga.

Ini meletakkan TNB berada di tangga ketiga dengan lima mata selepas tiga perlawanan, di belakang pendahulu, Nurinsafi Sporting dan pasukan adik, TNB Thunderbolts.

"Kita lihat beberapa perlawanan yang telah kita bermain sebelum ini, beberapa pemain yang diharapkan masih belum mencapai prestasi yang terbaik."

"Untuk ke hadapan, kita kena meningkatkan prestasi kita kerana saya lihat permainan mereka terlalu perlahan, termasuklah pemain-pemain kebangsaan yang berada dalam pasukan ini, dan saya pun tidak pasti apakah puncanya," jelas Saiful kepada *Utusan Malaysia*.

Jika ini berterusan, Saiful khawatir ia akan menjelaskan sasaran pasukan untuk meraih gelaran *treble* musim ini.

TNB bakal meneruskan kempen liga mereka pada malam ini menentang pasukan Yong-Elephants Pahang di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil.